

# Tanah runtuh di Sungai Penchala

*Penduduk tak dapat tidur lena, lokasi kejadian hanya tiga meter dari kediaman*



Penduduk berharap agar pihak berkenaan dapat menyelesaikan masalah hakisan dengan secepat mungkin bagi menjamin keselamatan mereka. Gambar kecil: Abdul Samad

**ASYRAF MUHAMMAD**

**PETALING JAYA** - "Kami diselubungi rasa takut setiap malam selepas berlakunya kejadian ini," demikian rintihan salah seorang penduduk di Pangsapuri Damansara Bestari, Shari Othman, 59, yang bimbang dengan kejadian tanah runtuh berhampiran Sungai Penchala, kelmarin.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, hakisan tanah yang runtuh itu mengancam keselamatan penduduk Blok C pangsapuri berkenaan.

Menurut Shari, kebanyakan penduduk terkejut dengan kejadian yang tidak disangsangka pada jam 6 pagi itu.

"Tanah runtuh hanya tiga meter dari kediaman penduduk," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, sebelum ini, penduduk di Blok D pangsapuri berkenaan turut mengalami permasalahan yang sama berikutan struktur tanah yang tidak kuat.

"Kejadian di Blok D ambil masa kira-kira tiga tahun untuk diselesaikan dan penduduk berharap kali ini tindakan segera dapat diambil," katanya.

Salah seorang penduduk di Blok C, Noraie Zainoddin, 37, berkata, penduduk risau jika tragedi seperti Highland Towers akan berulang.

"Kami memang tak dapat tidur lena," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Damansara Bestari, Abdul Samad Abdul Rashid berkata, selepas mendapat laporan mengenai ke-

jadiannya itu, pihaknya bergegas membuat aduan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Menurut Samad, pihak JPS memaklumkan akan turun ke lokasi berkenaan dengan kadar segera bagi menyasat punca runtuhan tanah berkenaan.

"Pihak JPS berkemungkinan akan turun Selasa ini dengan membawa bersama pakar bagi menyasat punca kejadian," katanya.

Abdul Samad berkata, kerjasama daripada pihak bertanggungjawab dilihat amat penting dalam menyelesaikan isu ini.

"Tolong ambil tindakan segera, semakin lama dibiarkan, semakin besar kawasan yang akan terhakis," katanya.